

**Sabah Isytihar 11 April Sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan
Bernama
7 Mac, 2012**

KOTA KINABALU, 7 Mac (Bernama) -- Sabah mengisytiharkan 11 April ini sebagai hari kelepasan am tambahan bagi negeri ini sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata Sabah tidak seharusnya terkecuali daripada meraikan pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-14 itu.

"Adalah wajar bagi Sabah untuk turut memberi cuti seperti yang diputuskan oleh kerajaan pusat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet negeri, di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Musa turut mengumumkan kenaikan elaun ketua masyarakat Cina di negeri ini dari RM450 ke RM650 berkuat kuasa 1 Jan lepas.

Kali terakhir elaun berkenaan dinaikkan ialah kira-kira lima tahun lalu iaitu dari RM230 ke RM450.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650524>